

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.11.2025 MASA: 9:30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SESI LIBAT URUS KAJIAN
INVENTORI PRODUK DAN PELAN TINDAKAN
PELANCONGAN DI SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT
26 NOVEMBER 2025 (RABU)
10.00 PAGI

IXORA HOTEL, BANDAR PERAI JAYA, PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman

Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap Penyelaras Sesi

Libat Urus Kajian Inventori Produk Dan Pelan Tindakan

Pelancongan Di Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Perasmian Sesi Libat Urus Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan di Seberang Perai**. Seberang Perai kini berada di fasa penting dalam pembangunan pelancongannya. Dengan kekayaan budaya, kehijauan alam, serta kekuatan komuniti, kita mempunyai peluang untuk membina sebuah destinasi yang bukan sahaja maju, tetapi memberi manfaat kepada generasi masa depan.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak khususnya; pihak Perunding SS Planning Group Sdn. Bhd., pelbagai agensi kerajaan, badan korporat, pemain industri pelancongan, wakil komuniti, rakan-rakan strategik, para peserta dan para hadirin sekalian. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai dan melambangkan komitmen bersama untuk memperkasakan sektor pelancongan di Seberang Perai secara lestari. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga amat menghargai sokongan berterusan daripada para pengkaji dan pengusaha produk pelancongan yang menjadi nadi kepada perkembangan industri ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. MBSP telah melantik perunding bagi menjalankan Kajian Inventori dan Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai. Pada masa ini, pihak perunding sedang giat melaksanakan kerja-kerja akhir bagi pengumpulan data dan penyediaan inventori produk pelancongan di seluruh Seberang Perai. Proses ini merangkumi verifikasi tapak dan semakan maklumat sedia ada yang mencerminkan potensi sebenar Seberang Perai.
4. Sesi libat urus pada hari ini merupakan platform penting bagi memastikan pembangunan pelancongan Seberang Perai berasaskan data yang tepat dan analisis komprehensif. Kajian inventori produk pelancongan bukan sahaja bertujuan mengenal pasti kekuatan dan potensi sedia ada, tetapi juga meneliti ruang penambahbaikan dalam aspek infrastruktur, kualiti perkhidmatan, keunikan produk, serta daya tarikan baharu yang boleh diketengahkan. Usaha ini juga sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang2030 serta Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang menekankan pembangunan pelancongan lestari dan berteraskan komuniti.
5. MBSP komited untuk meningkatkan kualiti persekitaran bandaraya, memperkukuh jaringan kerjasama, serta memperluas potensi pelancongan dan ekonomi kreatif yang memberikan impak positif kepada ekonomi industri hiliran kepada penduduk Seberang Perai.

Dengan pendekatan inklusif, kita yakin sektor pelancongan mampu menjadi pemangkin kepada peluang pekerjaan, keusahawanan dan pembangunan sosial yang lebih menyeluruh.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Seberang Perai memiliki kekayaan sumber semula jadi, warisan, budaya, agro-pelancongan dan pengalaman komuniti yang autentik. Semua ini memerlukan perancangan yang rapi agar dapat dipromosikan secara berkesan dan memberi manfaat optimum kepada masyarakat setempat. Inilah masa untuk kita menyerlahkan karakter dan nilai unik Seberang Perai dalam bentuk pengalaman pelancongan yang lebih tersusun dan bermakna. Deraf Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan Di Seberang Perai ini merupakan satu pelan strategik yang dilaksanakan untuk merangka hala tuju pembangunan pelancongan di Seberang Perai. Kategori produk pelancongan di Seberang Perai:

- a. Pelancongan budaya dan warisan;
- b. Pelancongan gastronomi dan kulinari;
- c. Pelancongan komuniti;
- d. Pelancongan alam semula jadi, kembara dan eko-pelancongan;
- e. Pelancongan sukan dan rekreasi;
- f. Pelancongan beli-belah, rekreasi dan gaya hidup;
- g. Pelancongan Kesihatan dan wellness;

- h. Pelancongan buatan manusia;
 - i. Pelancongan MICE (mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran); serta
 - j. Pelancongan akuaria dan marin.
7. Dalam konteks sesi libat urus hari ini saya nyatakan adalah amat penting bagi memastikan suara semua pihak didengari. Perbincangan yang terbuka dan konstruktif akan membantu merangka pelan tindakan pelancongan yang lebih realistik, relevan dan berpaksikan keperluan industri serta komuniti. Tuan-tuan dan puan-puan di hadapan saya hari ini bukan sekadar peserta. Anda semua adalah rakan pemikir, arkitek dan penggerak utama yang akan membentuk wajah pelancongan Seberang Perai dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.
8. Saya berharap agar setiap peserta dapat berkongsi pandangan secara profesional dan bermakna, demi memastikan hala tuju pelancongan Seberang Perai kekal konsisten, berdaya saing dan mempunyai identiti yang jelas selaras dengan visi MBSP iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.

Hadirin sekalian,

9. Akhir kata, saya menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran sesi ini. Semoga hasil perbincangan hari ini membuka jalan kepada masa depan pelancongan Seberang Perai

yang lebih progresif, berdaya saing dan selaras dengan prinsip pembangunan mampan.

10. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sesi Libat Urus Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai**. Marilah kita bersama-sama mencipta naratif baharu untuk Seberang Perai; sebuah destinasi yang progresif, lestari, beridentiti dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.